

29 OCT 2000

KIRA-KIRA 1,000 ORANG SERTAI PERHIMPUNAN HARAM ANTI ISA DI KEMUNTING

TAIPING, 29 Okt (Bernama) -- Kira-kira 1,000 orang, kebanyakannya anggota parti politik pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan menyertai perhimpunan haram anti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di depan Kem Tahanan Kemunting di sini hari ini sempena ulangtahun ke-40 akta itu dilaksanakan.

Perhimpunan itu yang dianjurkan bersama oleh 71 badan bukan kerajaan dan parti-parti pembangkang termasuk DAP, Keadilan, PRM dan PAS, bermula pada kira-kira pukul 8.30 pagi

Mereka membawa kain rentang mengesa ISA dimansuhkan, menguntuk kerajaan Barisan Nasional dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seorang jurucakap polis Larut Matang dan Selama berkata polis tidak mengeluarkan permit untuk perhimpunan itu.

Perhimpunan itu dijalankan secara aman tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini kecuali menyebabkan kesesakan lalulintas di Jalan Selama-Kemunting.

Mereka turut mengedar risalah mengenai 40 sebab mereka menentang akta berkenaan yang antara lain akta itu melanggar hak asasi manusia, kepada pengguna jalan di situ.

Pada pukul 10 pagi, kumpulan itu berlepas ke pusat PAS di Kg Pasir, kira-kira 3 km dari Kem Kemunting untuk menghadiri ceramah yang disampaikan oleh bekas-bekas tahanan ISA termasuk Naib Presiden DAP Lim Guan Eng, Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar dan Ketua Penerangan Keadilan Ruslan Kassim.

-- BERNAMA.

HK LAT